

enyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MAJLIS ANUGERAH KHIDMAT CEMERLANG, JABATAN PERDANA MENTERI TAHUN 1993
Lokasi : DEWAN MUKTAMAR, PUSAT ISLAM
Tarikh : 28-04-1994

Terlebih dahulu saya adalah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.A.B Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri diatas kesudian Yang Amat Berhormat hadir dan seterusnya menyampaikan amanat dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada anggota-anggota Jabatan Perdana Menteri.

Anggota-anggota perkhidmatan awam adalah mengenali Yang Amat Berhormat Dato' Seri sebagai seorang pemimpin negara yang mempunyai comitment yang tinggi terhadap penerapan nilai-nilai accountability, pembasmian rasuah, kecemerlangan bekerja dan pembasmian budaya puashati (culture of Contentment).

2. Saya mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah menunjukkan prestasi kerja yang begitu cemerlang sepanjang tahun 1993, iaitu mereka yang akan menerima pergerakan gaji secara melintang dan menegak. Penyampaian- penyampaian anugerah perkhidmatan cemerlang ini adalah selaras dengan dasar perkhidmatan awam pada masa ini yang menekankan kepada pencapaian kerja iaitu mengikut sasaran kerja yang ditetapkan. Dengan adanya sistem penilaian dan sistem pengiktirafan seperti ini, maka kita mempunyai peraturan untuk menghindarkan "culture of contentment" menghinggapikan perkhidmatan awam. Sistem "automatic salary increase" yang telah kita tinggalkan hampir dua tahun yang lalu boleh membawa kepada "culture of contentment". Kita harus mengutamakan budaya kerja kecemerlangan dalam setiap kerja yang kita lakukan.

3. Saya percaya bahawa kejayaan tuan- tuan dan puan-puan ini adalah hasil ketekunan dan dedikasi bekerja yang berterusan tanpa mengira waktu. Disamping bentuk pengiktirafan dan bonus yang mengiringi Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang akan disampaikan sebentar lagi, di sisi agamapun kita akan mendapat ganjaran pahala yang besar di atas sumbangan kita kepada masyarakat. Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda bahawa sebaik-baik manusia ialah yang banyak memberi manfaat kepada orang lain (Riwayat Al-Qudhai).

4. Ketekunan adalah merupakan faktor yang menentukan kejayaan kita sebagai anggota-anggota perkhidmatan awam. Nothing in the world can take the place of persistence. Talent will not: Nothing is more common than unssuccessful men with great talent. Genius will not: unrewarded genius is almost a proverb. Education will not: the world also has educated derelicts. Persistence, determination alone are omnipotent.

5. Faktor yang membezakan di antara seorang yang berjaya dengan yang tidak berjaya dalam kerjaya masing adalah juga terletak pada ketinggian motivasi untuk bekerja. Pekerja yang tinggi daya motivasinya sanggup bekerja tanpa mengira waktu, tanpa disuruh atau diawasi oleh ketuanya. Selain itu, mereka juga lebih bersedia untuk menggunakan seluruh kemampuan yang ada bagi menyempurnakan sasaran kerja.

Seseorang pekerja yang benar-benar bermotivasi akan sanggup menggunakan di antara 80% - 90% kebolehan diri masing-masing (potential capacity) dalam menjalankan sesuatu kerja. Sedangkan dalam keadaan biasa mereka lazimnya menggunakan di antara 20% hingga 30% sahaja kebolehan tersebut.

6. Untuk mengukuhkan motivasi bekerja, strategi yang paling berkesan bagi seseorang itu ialah dengan menjadikan kerja yang dilakukan sehari- hari sebagai suatu pengalaman yang menarik, menyeronokkan serta menjadi sumber kepuasan diri atau self- actualization. Seseorang itu boleh mengujudkan self-motivation menerusi: pertama, seseorang itu mestilah menetapkan matlamat kerjaya yang jelas untuk dirinya, misalnya, bercita-cita untuk menjadi pakar yang disegani dalam sesuatu bidang atau profesion yang diceburi; kedua, matlamat jangka panjang ini perlu disokong oleh tindakan- tindakan cemerlang yang mesti dilakukan pada masa sekarang; ketiga, membangunkan kemahiran (expertise) di

dalam bidang-bidang tertentu, supaya dengan kemahiran ini seseorang itu akan merasa mudah mengendalikan tugas dan lebih bersedia menghadapi kesulitan dan cabaran; keempat, seseorang itu hendaklah sedia mencuba jenis-jenis kerja yang mencabar; melalui cara ini seseorang itu dapat menimba pengalaman yang baru, di samping mengatasi kemungkinan kebosanan bekerja; kelima, mewujudkan sistem maklumbalas tentang prestasi kerja masing-masing supaya dapat memperbaiki kelemahan diri sendiri; dan keenam, sentiasa berazam menjadikan hasil kerja yang dilakukan sesuatu yang paling cemerlang serta dapat mengatasi hasil kerja orang lain. Dengan keazaman seperti ini, seseorang itu akan terdorong untuk bekerja dengan lebih bersungguh- sungguh lagi.

7. Sebagai mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi tahniah kepada anggota-anggota yang akan menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebentar lagi. Saya adalah berharap bahawa pengiktirafan ini akan mendorong tuan-tuan dan puan-puan untuk melipatgandakan usaha bagi meningkatkan lagi pencapaian masing- masing pada masa hadapan. Dengan ini, saya adalah dengan amat sukacitanya mempersilakan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri untuk menyampaikan amanatnya.